

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN :**

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah hasil kajian Bandar Pintar "Smart City" yang telah dilaksanakan oleh PLANMalaysia dan berapakah jumlah dan jenis peruntukan yang telah disediakan untuk usaha Smart City.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menjalankan satu kajian **Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2018-2025** bersama-sama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Hasil Kajian ini telah mengariskan sebanyak **16 polisi, 36 strategi dan 112 inisiatif berserta 94 indikator** yang harus dilaksanakan melibatkan pelbagai agensi diperingkat Persekutuan, Negeri dan tempatan.

Kaedah pelaksanaan ini telah dirangkumkan dibawah 7 komponen utama bandar pintar iaitu :

- i. Smart Government;*
- ii. Smart People;*
- iii. Smart Digital Infrastructure;*
- iv. Smart Economy;*
- v. Smart Mobility;*
- vi. Smart Living ; dan*
- vii. Smart Environment.*

Perancangan pelaksanaan inisiatif bandar pintar terpilih sedang dirancang dibawah Rancangan Malaysia Ke-Dua Belas (RMK-12) yang akan bermula pada 2020 dan sedang diperhalusi daripada aspek cadangan terperinci dan kos. Walaubagaimanapun, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dan agensi-agensi berkepentingan boleh dan digalakkan memulakan inisiatif bandar pintar serta merta dan mengikut isu dan masalah setempat serta keupayaan kewangan masing-masing, dan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia hendaklah dijadikan panduan utama dan rujukan dalam melaksanakan inisiatif bandar pintar.